

KESAHIHAN HUKUM ATAU DALIL YANG TERDAPAT DALAM AQIL STORY

Muhammad Zarul Ikmal B Abd Rashid¹
Muhammad Rasyidie Aiman B Roslan²
Muhammad Mustaqeem Shaik Mohideen³
Syed Najihuddin Bin Syed Hassan⁴

¹Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: muhammadzarul98@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(Email: rasyidieaiman@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: mustaqeem933@raudah.usim.edu.my)

⁴Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: syednajihuddin@usim.edu.my)

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji tahap kesahihan hukum dan sumber dalil yang telah dikongsi oleh penerbit kartun animasi yang bertajuk 'Aqil Story' yang ditayangkan di televisyen dan media sosial. Permasalahan yang terdapat dalam cerita aqil story ialah tidak dapat dipastikan sama ada dalil atau hukum hakam adalah sahih atau tidak. Objektif kajian ini adalah untuk meneliti atau mengkaji kesahihan yang terdapat dalam animasi Aqil story. Metodologi kajian adalah menggunakan kaedah analisis teks terhadap cerita Aqil story berdasarkan penelitian hukum hakam yang terdapat dalam Islam. Setelah kajian ini dijalankan, didapati bahawa hukum hakam, sumber dalil dan kesahihan pendapat berkaitan dengan agama Islam menepati aspek dan tidak terpesong dari sumber utama iaitu al-Quran dan Sunnah. Rumusannya, aqil story menggambarkan sebuah cerita yang meliputi hukum-hukum Islam dalam bentuk animasi. Secara tidak langsung, cerita aqil story memberikan pedoman kepada anak-anak kecil supaya dapat memahami Islam dengan lebih senang melalui animasi.

Kata kunci: Kesahihan dalil, al-Quran dan Sunnah, Islam.

Pendahuluan

Seiring dengan zaman moden ini, siri animasi kanak-kanak sangat banyak dan pesat muncul di saluran televisyen mahupun media sosial yang lain seperti YouTube dan sebagainya bagaikan cendawan yang tumbuh selepas hujan. Siri animasi kanak-kanak yang makin popular ini mendapat penerimaan yang sangat memberangsangkan daripada ibu-bapa. Animasi di Malaysia bermula pada tahun 1946 dengan tertubuhnya Unit Filem Malaya yang sekarang ini dikenali sebagai Filem Negara. Filem animasi pendek yang pertama ialah Hikayat Sang Kancil dan ditayangkan pada tahun 1983. Filem pendek yang muncul di antara tahun 1985 dan 1987 yang bertajuk Sang Kancil & Monyet, Sang Kancil & Buaya, Gagak Yang Bijak, Arnab Yang Sombong dan Singa Yang Haloba.

Siri animasi tempatan yang bertemakan Islamik pula mula muncul sejak kebelakangan ini. Pelbagai siri animasi yang bertajuk Omar dan Hana, Aqil Story, Alif Sofea dan lain-lain telah menambat hati kanak-kanak dan ibu-bapa untuk menonton. Hal ini kerana pelbagai ilmu agama asas yang disertakan didalam siri episod animasi tersebut dan secara tidak langsung, ia dapat memberikan ilmu kepada kanak-kanak. Secara amnya, siri animasi tempatan yang bertemakan Islamik bukan sahaja sekadar hiburan, tetapi ianya menjadi medium untuk mempelajari asas ilmu agama kepada kanak-kanak.

Permasalahan Kajian

Sehingga kini, dalam konteks animasi Malaysia, belum ada kajian yang menganalisis tentang kesahihan dalil yang terdapat dalam animasi islamik dan tidak pasti sama ada dalil-dalil di dalam animasi islamik tersebut sahih atau tidak.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah:

1. Mengetahui pasti kesahihan dalil yang terdapat dalam animasi Aqil Story
2. Memastikan Aqil Story tidak menggunakan dalil yang palsu
3. Mengkaji darimana asalnya dalil yang digunakan dalam animasi Aqil Stori

Kepentingan Kajian

Kajian ini diharap dapat dijadikan panduan oleh penerbit agar menggunakan dalil yang sahih atau jika kesemua dalilnya adalah sahih, ia dapat dijadikan bukti oleh penerbit bahawa dalil-dalil yang digunakan itu berasal dari nas yang betul dan tepat.

Kajian Literatur

Terdapat 5 perkara yang akan dibincangkan dalam kajian literatur iaitu:

Definisi

Animasi merupakan gambar yang bergerak berbentuk dari sekumpulan objek yang disusun secara berurutan mengikuti pergerakan yang telah ditentukan pada setiap babak untuk menjadikan satu situasi yang lengkap. Gambar atau objek yang dimaksud dalam definisi diatas boleh berupa manusia, haiwan dan juga tulisan. Animasi Islamik pula bermaksud gambar yang bergerak berbentuk sekumpulan objek dan disusun secara berurutan sehingga mewujudkan satu babak dan sketsa yang diisi dengan suasana dan ilmu pengetahuan yang berasaskan ajaran agama Islam.

Pendidikan kanak-kanak

Dalam pandangan al-Nadwi tentang kepentingan al-Sirah al-Nabawiyah dalam pendidikan kanak-kanak, dia berpendapat bahawa orang Islam harus menggunakan

sumber ilmu yang berkuasa. Tambahan pula, adalah penting untuk menjauhkan kanak-kanak daripada bahan-bahan yang mengandungi unsur-unsur khurafat. Dalam usaha untuk memupuk keperibadian mulia dalam kanak-kanak, bahan bacaan yang menampilkan para nabi sebagai suri teladan harus diutamakan. Oleh itu, al-sirah al-nabawiyyah perlu didedahkan kepada golongan kanak-kanak kerana ia adalah satu keperluan penting untuk mendidik mereka dengan didikan Islam.

Kajian lain juga membincangkan pendidikan Islam untuk kanak-kanak berkeperluan khas, dengan guru bertindak sebagai murabbi. Pengkaji mendapati bahawa guru pendidikan Islam, sebagai murabbi, mempunyai peranan dan tanggungjawab yang besar dalam mendidik pelajar, terutamanya kanak-kanak berkeperluan khas. Mereka juga bertanggungjawab untuk mengubah negara yang membentuk masyarakat. Oleh itu, guru pendidikan Islam mesti mempunyai penguasaan ilmu dalam semua bidang, pemikiran Rabbani, dan sikap terpuji supaya mereka dapat melaksanakan tugas mereka sebagai murabbi dengan baik.

Pada masa yang sama, pendapat guru dan orang tua tentang pendidikan inklusif di taman kanak-kanak menunjukkan bahawa ia muncul sebagai tanggapan kepada isu hak asasi manusia anak-anak yang berkelainan upaya. Hasilnya, adalah diketahui bahawa guru dan orang tua kanak-kanak secara tidak langsung mendapat manfaat daripada pendidikan inklusif di taman kanak-kanak dan sebaliknya mendapat manfaat. Kerana semua pendidik dan ibu bapa memberi perhatian khusus kepada anak-anak dengan kelainan upaya, mereka mendapat pelajaran dengan lebih baik. Oleh itu, semangat pelajar kelainan upaya boleh dipertingkatkan.

Penggunaan teknologi dalam Pendidikan

Pada era revolusi industri 4.0, cyber fisik dan kerjasama manufaktur digital berasaskan Internet of Things (IoT) yang meluas di seluruh dunia menjadikan penggunaan teknologi dalam pendidikan mencabar guru. Teknologi memudahkan banyak perkara, seperti pendidikan. Walau bagaimanapun, terdapat juga kesan buruk seperti penggunaan scaffolding boleh menghilangkan perkara penting dalam pendidikan. Oleh itu, guru harus berhati-hati apabila menggunakan teknologi dalam kelas. Hal ini akan menggalakkan semua pengguna untuk berhati-hati menggunakan teknologi dengan betul.

Selain itu, terdapat juga pengaruh teknologi dalam bidang pendidikan untuk menjadikan segala-galanya lebih mudah. Ini seiring dengan perkembangan dunia, di mana pendidikan diutamakan. Dalam dunia pendidikan, teknologi telah menjadi sebuah alat sokongan yang membolehkan guru mengajar murid mereka secara optimum. Sebagai contoh, pelajar dan pendidik menggunakan teknologi dalam proses pembelajaran. Walaupun terdapat kesan positif, terdapat juga kesan negatif yang boleh menyebabkan kerosakan moral dalam masyarakat.

Di samping itu, penggunaan teknologi informasi dan komunikasi dalam system pembelajaran Ketika pandemic covid 19 juga dirungkaikan bagi memudahkan sistem pembelajaran. Hal ini demikian kerana Ketika pandemic covid 19, semua sistem

pembelajaran terbantut kerana sekolah diarahkan tutup bagi tempoh masa yang lama. Terdapat masalah dalam penggunaan teknologi kerana infrastruktur yang tidak lengkap atas faktor ketidakstabilan sumber ekonomi manusia yang menyukarkan pembelian barangan teknologi seperti laptop, telefon dan sebagainya. Hal ini menyukarkan pelajar menuntut ilmu dengan sempurna kerana terdapat masalah yang dihadapi untuk memanfaatkan teknologi maklumat dalam proses pembelajaran.

Penggunaan animasi dalam Pendidikan

Penggunaan elemen animasi untuk meningkatkan kefahaman pelajar dalam mata Pelajaran geografi mendorong melahirkan insan yang berpotensi dalam penggunaan animasi. Kepelbagaian kaedah mengajar dengan penggunaan teknologi maklumat yang berunsurkan animasi amat membantu menarik minat dan kefahaman pelajar khususnya pembelajaran secara atas talian. Teknologi seperti ini telah mendorong pelajar lebih minat untuk belajar kerana pembelajaran berunsurkan animasi. Justeru, pelajar mempunyai tahap kesediaan, motivasi, minat yang baik terhadap sikap penggunaan elemen animasi dalam mata pelajaran Geografi. Ini menunjukkan pendedahan dan penerapan penggunaan elemen animasi dalam kalangan guru menerusi pendidikan formal di sekolah membawa perubahan dalam pembelajaran. Kesimpulannya, animasi boleh digunakan oleh guru sekolah atau guru mata pelajaran dalam meningkatkan penggunaan elemen animasi sebagai bahan bantu mengajar dalam mata pelajaran Geografi dalam pembelajaran pelajar.

Selain itu, animasi interaktif sebagai medium pembelajaran kanak-kanak homeschooling telah menarik minat kanak-kanak untuk belajar. Animasi Interaktif merupakan pendekatan baharu yang boleh dijadikan medium pembelajaran bagi kanak-kanak homeschooling. Animasi interaktif merupakan media pendidikan yang mengintegrasikan lima elemen utama iaitu teks, grafik, audio, video dan animasi. Pendekatan pembelajaran kanak-kanak Homeschooling dengan berbantuan animasi interaktif bukan sahaja dapat memudahkan proses pembelajaran tetapi juga meningkatkan motivasi kanak-kanak homeschooling. Justeru, animasi interaktif sesuai diaplikasikan sebagai medium pembelajaran bagi kanak-kanak homeschooling.

Terdapat persepsi pelajar terhadap penggunaan animasi dalam pembelajaran Bahasa arab yang memberikan semangat untuk guru dalam menggunakan animasi dalam pembelajaran. Implementasi animasi sebagai bahan bantu mengajar (BBM) dalam pembelajaran bahasa Arab merupakan satu inovasi dalam melahirkan suasana yang mampu mempengaruhi minat pelajar. Hasilnya, penggunaan animasi dalam pembelajaran Bahasa arab mendapat sokongan yang baik dari semua pelajar. Hal ini kerana animasi yang menarik dapat cenderung minat pelajar untuk memahami Bahasa arab. Kesimpulannya, animasi sesuai dipraktikkan sebagai bahan bantu mengajar bahasa Arab dan mampu menarik minat pelajar untuk menguasainya.

Pembelajaran Menggunakan Animasi Islamik

Pendekatan dakwah dan gaya persembahan saling berkait dalam proses pelaksanaan aktiviti dakwah. Teori pendekatan dakwah yang terdapat di dalam al-Quran Surah an-Nahl ayat 12533 mengandungi seruan secara Al-Hikmah, Maw'zaṭul Ḥasanah dan Mujaadalah secara teori. Gaya persembahan pula merupakan hasil terjemahan secara praktikal kepada kandungan seruan yang terdapat dalam pendekatan dakwah tersebut selain dari bertujuan untuk memberikan kefahaman yang lebih mudah.

Al-Hikmah merupakan suatu tindakan penyesuaian secara bijaksana terhadap sasaran dakwah supaya suasana tersebut boleh dikendalikan dengan baik dan tujuan dakwah yang berisi mesej kebaikan berjaya disampaikan. Maw'izat al-Ḥasanah merupakan ungkapan yang mengandungi unsur bimbingan yang antaranya dalam bentuk penceritaan, pendidikan, dan pesanan ke arah kebaikan. Mujādah: Berasal dari perkataan jaadala dalam bahasa Arab yang membawa maksud dari segi istilahnya iaitu mengikat dengan menggunakan sesuatu dengan kuat.⁵³ Dalam erti kata bahasa melayu mujaadalah ialah berdebat atau berbahas. Walaupun demikian, berbahas yang dibenarkan menurut seruan yang terkandung dalam al-Quran ialah secara baik. Ia bertujuan untuk bertukar pendapat dalam memberikan pandangan terhadap sesuatu perkara. Dalam hal ini, mujaadalah terbahagi kepada dua bentuk komunikasi seperti:

1. **Perbualan:** Merujuk kepada perihal berbual atau percakapan atau perkara yang dibualkan. Ia merupakan komunikasi yang membolehkan orang memberi maklum balas secara terus antara satu sama lain.
2. **Perdebatan:** Perdebatan atau perbahasan secara baik merupakan bentuk komunikasi yang menunjukkan gaya bahasa dan budi pekerti yang sopan.

Sejarah Animasi Aqil Story

Aqil Story ialah satu animasi tempatan yang bertemakan Islamik yang memaparkan kisah teladan dari Al-Quran dan Hadis untuk kanak-kanak di antara 7-12 tahun. AQIL Story diterbitkan oleh sebuah syarikat berstatus MSC, Khalifa Production Sdb Bhd dan mula ditayangkan pada bulan Ramadan 2012. Aqil Story ditayangkan di televisyen dan bertujuan untuk menyemaikan nilai-nilai murni di kalangan kanak-kanak seperti nilai kekeluargaan, persahabatan, kasih sayang, akhlak dan pengajaran yang positif serta memberikan hiburan yang mendidik jiwa. "AQIL Story" adalah mengenai seorang budak pintar yang berusia 10 tahun yang tinggal di Putrajaya. Aqil mempunyai seorang sahabat karib yang baik tetapi nakal bernama Afif. Aqil seringkali menjadi contoh yang baik kepada keluarga dan rakan-rakannya. Aqil amat disenangi oleh rakan-rakannya kerana beliau sering mempunyai cerita-cerita teladan yang menarik untuk diceritakan kepada rakan-rakannya. Sahabat-sahabat Aqil didalam animasi ini ialah Amir, Imad, Choi dan Kumar. Manakala watak Ustaz Amal diwujudkan sebagai pengajar dan murabbi untuk mendidik dan menyampaikan ilmu didalam siri animasi tersebut.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah:

1. Kaedah analisis kandungan melalui link YouTube Aqil story.
2. Kaedah perpustakaan dengan merujuk Kitab-kitab hadis seperti Kitab sahih bukhari Dan Muslim. Selain itu, al-Quran jugak dirujuk bagi memudahkan kajian untuk mencari kesahihan hadis dan ayat al-Quran yang terdapat dalam cerita Aqil story.

Dapatan Kajian dan Kesahihan dalil

Menerusi animasi Aqil Story ini, mereka memberikan dalil di setiap episode yang ditayangkan kepada umum untuk memberi pengajaran atau pembelajaran kepada kanak-kanak. Penceritaannya adalah seperti berikut:

Episod Satu

Episod satu dalam siri Aqil Story bertajuk anak murid yang bijak. Pada suatu hari, aqil masuk pertandingan bercerita di sekolah dan akan bertanding pada hari sabtu itu, 2 rakan aqil yang nakal mengganggu rakan-rakan sekelas yang lain, aqil memberitahu rakan-rakan nya supaya membanyakkan membaca buku untuk menambah ilmu pengetahuan terutamanya kisah-kisah para nabi.

Pada hari pertandingan tersebut, aqil berasa sangat gemuruh, aqil teringat akan nasihat ibunya aqil supaya bila gemuruh, baca lah bismillah dan selawat sebanyak tiga kali, dan baca laa takhaf wala tahzan, innallah ha ma'ana. Yang bermaksud jangan takut dan jangan bersedih sesungguhnya Allah bersama kita.

Aqil berjaya menceritakan dengan jaya nya tanpa rasa gemuruh walaupun sedikit, dalam cerita aqil tersebut guru nya meminta firdaus(nama watak didalam cerita aqil semasa pertandingan) membeli burung untuk kesemua anak murid yang lain dan guru nya meminta supaya semua anak murid pergi ke tempat yang tidak kelihatan orang lain untuk menyembelih burung , firdaus tidak menyembelih burung tersebut kerana firdaus mengata kan bahawa Allah melihat segala-galanya dan tiada apa yang dapat menyorok dari Allah kerana Allah itu maha melihat.

Episod Dua

Episod 2 dalam aqil story bertajuk jujur dan amanah, didalam episod ini menceritakan tentang menepati janji. Pada awalnya, seorang rakan aqil bernama afif telah terlambat ke sekolah dan berjanji untuk tidak mengulangi nya lagi, afif juga tidak menepati janji nya terhadap aiman untuk memulangkan buku aiman yang dipinjam oleh afif.

Aqil menceritakan kepada kawannya tentang seorang pemuda yang bersifat jujur dan amanah, pemuda tersebut menjadikan Allah sebagai saksi akan segala janji nya terhadap orang lain, pemuda itu meletakkan Allah sebagai segala-galanya. Allah telah membantu pemuda tersebut menepati janji nya, kerana pemuda itu jujur dan amanah dia diberkati oleh Allah

Episod Tiga

Pada episode ketiga, episode ini bertajuk hikmah insyaAllah. Pada suatu hari, pihak sekolah aqil akan mengadakan lawatan ke planetarium negara. mereka diberikan borang perlepasan ke rombongan tersebut dan memerlukan keizinan ibu bapa. salah seorang kawan aqil risau jika tidak dapat pergi bersama rombongan tersebut. namun, aqil menyenangkan dia dengan menyebut, " inshaa Allah, Allah akan memudahkan urusan kamu utk pergi ke sana". kawan aqil terus bersemangat selepas aqil menyenangkan dia dgn ucapan tersebut.

Aqil pulang ke rumah, bertanya kepada ibunya tentang keizinan ayahnya utk membenarkan dia ke sekolah. namun ayah Aqil belum memberi kata putus. Aqil masih menyedapkan hatinya dengan berkata " inshaa Allah" dan yakin ayahnya akan membenarkan dia pergi. di sekolah, Aqil menceritakan kepada kawannya tentang seorang penyamun. pada waktu yg sama, ada seorang pakcik yg miskin berjalan kaki ke pasar dan ada seorang kaya menaiki kuda. Orang kaya itu mengejek pakcik yg susah itu, namun pakcik itu menyebut inshaa Allah, lambat laun dia akan mendapat kuda utk memudahkan dia ke pasar. Di pasar penyamun itu mencuri wang orang kaya yg menaiki kuda itu. Namun, nasib tidak menyebelahi pencuri itu. dia ditangkap. lalu, pencuri itu memberikan wang itu kepada pakcik yg miskin itu kerana insaf. Pemuda kaya itu mahu membeli kuda. tiba2 duitnya hilang dicuri pencuri itu. orang pasar ketawakan orang kaya itu. tiba2 pakcik yg miskin itu ternampak, dan membayar kuda utk pemuda kaya itu. pemuda kaya itu insaf kerana sombong. lalu pemuda kaya itu memberikan kuda itu kepada pakcik miskin itu. Aqil berpesan kepada kawannya supaya selalu menyebut inshaa Allah supaya segala urusan yg diusahakan selalu bergantung kepada Allah.

Pada hari lawatan, kawan2 aqil rasa sedih kerana aqil masih belum membuat keputusan untuk mengikuti rombongan tersebut. namun, secara tiba2, aqil memberitahu bahawa ayahnya memberi keizinan dengan mudah sekali. Benarlah, seperti tindakan Aqil, jika kita ingin mendapatkan suatu keputusan, dan masih ragu dengan keputusan tersebut, kita perlulah sandarkan kepada Allah dengan menyebut " inshaa Allah". Allah akan permudahkan urusan tersebut.

Episod Empat

Seterusnya, episod keempat pula bertajuk tamak merugikan. Episode ini menceritakan tentang betapa ruginya orang yang tamak.

Afif datang ke sekolah dengan membawa banyak makanan daripada rumahnya sebagai bekal untuknya kesekolah, akan tetapi afif tidak mahu berkongsi dengan rakannya dan afif tidak dapat menghabiskan makanannya. Lguru aqil mengatakan didalam kelas bahawa orang yang tamak selalu rugi.

Aqil menceritakan kepada rakan-rakannya tentang seorang petani yang jujur dan pemurah, rumusan didalam cerita aqil tersebut petani yang bertaqwa kepada Allah itu telah mendapat rezeki yang melimpah ruah daripada hasil taniannya, dan dengan sifat petani itu yang pemurah dan bertaqwa kepada Allah, petani itu bersedekah kepada orang ramai dan tidak bersifat tamak, ada juga seorang pemuda yang bersifat tamak dan dia mendapat kerugian.

Episod Lima

Episode lima dalam siri Aqil Story bertajuk hasad dengki yang mengisahkan tentang seorang yang bernama Khairul yang tidak berpuas hati dengan rakan sekelasnya.

Pada suatu hari, mereka sekelas diminta membuat sebuah persembahan yang bertemakan hasad dengki. Afif merupakan seorang raja yang suka makan makanan yang dihidangkan oleh bendahara iaitu Khairul. Makanan yang dihidangkan terlalu manis sehingga ditegur oleh wazir iaitu Aqil, hal ini kerana makanan yang manis boleh menjejaskan kesihatan raja. Perkara ini menyebabkan Khairul dan rakannya bersubahat menyebarkan fitnah kepada raja bahawa mulut wazir berbau busuk dan tidak perlu mendengar kata-kata wazir. Khairul dengki dengan wazir menyebabkan dia bertindak menyebarkan fitnah supaya wazir tersebut disingkirkan dari istana. Oleh itu, Khairul dan rakannya tersebut menyempit wazir kerumah dan menghidangkan makanan yang berbau supaya wazir bercakap dengan raja sambil tutup mulut.

Perbuatan bendahara dan rakannya tersebut diketahui oleh raja kerana kejujuran wazir dalam berpetah. Pada akhir cerita ini diberikan teguran oleh penerbit agar jangan sesekali berhasad dengki dengan orang lain kerana perkara ini menyebabkan kita tidak disukai oleh orang lain.

Episod Enam

Episod enam dalam siri Aqil Story ini bertajuk mentaati ibubapa. Dalam episode ini mengisahkan seorang murid yang bernama Aiman yang tidak dapat kebenaran untuk berkhemah pada hari Sabtu. Ibu Aiman meletakkan syarat untuk mendapatkan kebenaran berkhemah seperti menyiapkan kerja sekolah.

Pada hari perkhemahan, Aiman dimarahi oleh ibunya kerana tidak menyiapkan kerja sekolah tetapi ingin pergi perkhemahan. Aiman yang degil, merajuk dengan ibu dan ayahnya dan masuk kedalam bilik. Namun, Aiman menyelip keluar rumah melalui tingkap tanpa pengetahuan ibu dan ayahnya. Perkara ini menyebabkan ibu dan ayah Aiman terkejut.

Semasa perkhemahan Aqil menceritakan sedikit tentang kisah seorang anak yang mentaati ibu bapanya. Dalam cerita tersebut, seorang anak yang berbuat baik kepada ibu bapa mendapat rezeki yang melimpah ruah. Perkara ini sedikit sebanyak menginsafkan Aiman kerana Aiman telah berbohong kepada ibu bapanya.

Pada akhir episode ini penerbit telah memberi nasihat agar sentiasa mentaati ibu bapa kerana ibu bapa akan sentiasa berada disamping kita. Tambahan pula, kita janganlah derhaka kepada ibu bapa kerana balasan yang pedih akan diterima akhirat nanti.

Episod Tujuh

Episod Tujuh yang bertemakan kasihkan haiwan dalam siri Aqil Story ini membawa kisah seorang gadis yang menyayangi haiwan peliharaannya.

Safia memelihara kucing yang djumpainya dengan penuh kasih sayang. Pada suatu hari sewaktu safia memberi makanan, kucingnya hilang diambil orang lain. Perkara tersebut menyebabkan safia berasa sedih. Dikisahkan oleh Aqil, pada zaman dahulu terdapat seorang yang bernama Qayum yang suka memburu Binatang peliharaan. Semua jenis haiwan Qayum akan membunuh. Perbuatan ini dikeji kerana terdapat haiwan-haiwan yang sesuai untuk diburu. Kita mestilah mengasihani semua haiwan kerana haiwan juga memerlukan makan dan minum seperti manusia.

Pada Akhir episod ini, penerbit telah menyarankan agar menyayangi haiwan kerana haiwan merupakan ciptaan Allah.

Episod Lapan

Episod Lapan yang bertemakan berkat membaca Bismillah dalam siri Aqil Story ini membawa kisah tentang seorang penjual ais kream yang menegur anak-anak yang tidak membaca bismillah Ketika makan ais kream.

Pada Ketika itu, penjual ais kream tersebut memberikan nasihat dan teguran kepada anak tersebut agar anak tersebut sentiasa membaca Bismillah sebelum makan. Pak cik tersebut juga menyatakan bahawa apabila kita tidak membaca bismillah sebelum makan, syaitan akan turut makan bersama kita.

Pada suatu hari, aqil telah menerangkan kelebihan membaca Bismillah berdasarkan Hadis Nabi SAW. Berkata ibnu mas'ud, sesiapa yang ingin diselamatkan oleh Allah dari Sembilan belas Malaikat neraka ini maka bacalah Bismillah sebanyak Sembilan belas kali setiap hari. Oleh itu kita mestilah sentiasa amalkan membaca Bismillah setiap kali melakukan kerja atau sebelum makan. Penerbit menasihatkan membaca bismillah sebelum melakukan sesuatu pekerjaan. Hal ini kerana cukuplah Allah bersama kita Ketika melakukan sesuatu perkara.

Episod Sembilan

Episod sembilan dalam siri Aqil Story bertajuk 'Hikayat Seribu Satu Kisah'. Ianya mengisahkan seorang anak yang bernama Abu yang malas bekerja menyara keluarga. Pada suatu hari, Abu keluar untuk mencari pekerjaan setelah dipaksa oleh ibunya. Dalam perjalanan ke tempat kerja tersebut, Abu terserempak dengan seekor jin dan jin tersebut memberikannya

muntah lalu Abu memakan muntah tersebut dan akibat dari makan muntah tersebut menjadikan dia seorang yang gagah perkasa.

Pada satu hari, Abu telah menyelamatkan seorang puteri raja dari diculik dengan menggunakan kekuatan hasil daripada makan muntah jin tersebut. Rentetan dari peristiwa itu, Raja dinegeri itu bersetuju untuk mengahwinkan Abu dengan puterinya. Selepas berkahwin dengan puteri tersebut, kehidupan Abu mula berubah. Abu menjadi semakin sombong dan berpura pura tidak mengenali orang kampungnya termasuk ibunya sendiri. Pada satu ketika, pihak istana menganjurkan perlawanan diantara Abu dan seorang orang kampung. Dengan angkuhnya Abu mempertaruhkan negerinya dalam pertarungan tersebut. Pada masa tersebut, Abu hampir membunuh lawannya itu akan tetapi dia tersedar daripada sifat keangkuhannya dan menyesal diatas perbuatannya itu. Dia insaf dan memohon ampun kepada ibunya dan kepada orang kampung. Akan tetapi syaitan tersebut tidak insaf dan akan menyesatkan orang lain pula.

Episod Sepuluh

Episod sepuluh bertajuk 'Menghormati Orang Tua'. Dalam episod ini mengisahkan dua orang pelajar yang nakal dan tidak menghormati orang yang lebih tua termasuk guru, tukang kebun dan lain-lain.

Pada satu hari, mereka masuk kedalam kebun buah di sekolah lalu merosakkan buah-buahan tersebut. Mereka memetik buah-buahan tersebut dan membalingnya sehingga terkena guru besar yang kebetulan lalu berhampiran kebun tersebut. Mereka terkejut dan lari dari guru besar tersebut sehingga jatuh ke dalam longkang yang besar lalu mereka menyesal diatas perbuatan tersebut.

Episod Sebelas

Episod sebelas bertajuk 'Allah maha pengampun'. Dalam episod ini, Aqil dan rakan-rakannya menyertai aktiviti qiamulail di sekolah. Semasa sesi tazkirah diantara waktu maghrib dan isyak, Hanafi dan Khairul keluar dari surau dan meronda-ronda di dalam kawasan sekolah.

Tiba-tiba mereka mendapat satu idea untuk mencuri tablet milik Aqil dan kawannya. Tujuan asalnya ialah untuk bermain permainan video yang ada dalam tablet tersebut. Hanafi dan Khairul mencuri tablet tersebut dan menyorokkannya didalam stor sambil bermain. Mereka bermain permainan video tersebut sehingga waktu tidur. Apabila tiba waktu tidur, mereka bergegas masuk ke tempat tidur dan berpura-pura tidak tahu berkaitan tablet yang hilang tersebut.

Semasa mereka tidur, Hanafi dan Khairul bermimpi. Dalam mimpi mereka, mereka ditahan oleh tuan rumah akibat mencuri harta dirumah orang tersebut, lalu mereka malu dan insaf. Apabila tersedar dari tidur, mereka segera memohon ampun dan meminta maaf kepada Aqil dan kawannya. Pesan Ustaz Amal diakhir episod ini, Allah itu maha pengampun, namun dosa sesama manusia hendaklah memohon maaf kepada individu tersebut.

Episod Dua Belas

Episod dua belas bertajuk 'Sahabatku Subahat'. Dalam episod ini, ianya mengisahkan tentang Aqil dan kawan-kawannya yang membantu sekolah mengumpulkan dana. Semasa mereka sedang berada di luar sekolah, hujan mula turun dan mereka berteduh di sebuah rumah seorang nenek tua. Apabila mereka masuk ke dalam rumah nenek tersebut, mereka melihat rumah nenek tersebut berada dalam keadaan tidak teratur. Lalu mereka bersepakat untuk membersihkan rumah nenek tersebut dan nenek tersebut memberikan mereka upah dan mereka memasukkan upah tersebut ke dalam tabung sekolah tersebut.

Akan tetapi Hanafi dan Khairul memaksa Aiman untuk bersubahat dengan menyeleweng duit derma tersebut. Namun pada akhirnya Aiman berasa bersalah dan mengadu kepada Aqil akan hal tersebut. Pada akhirnya perbuatan Khairul dan Hanafi tersebut diketahui oleh Cikgu Razman lalu Cikgu Razman menghukum mereka berdua.

Episod Tiga Belas

Episod tiga belas bertajuk 'Allah maha adil'. Dalam episod tiga belas, ianya menceritakan tentang seorang penjual buah labu yang menjual buah tersebut dengan jujur dan amanah. Buah labunya juga menjadi rebutan ramai kerana buahnya yang besar dan bagus.

Pada suatu hari, Hanafi dan Khairul dengki melihat penjual tersebut kerana jualannya amat laku. Lalu mereka berdua pun pergi mencuri buah labu tersebut di kebun labu penjual tersebut. Pada keesekokannya, mereka berdua menjual buah labu tersebut dengan harga yang lebih murah menyebabkan buah yang dijual oleh penjual tersebut tidak lagi menjadi rebutan orang dan tiada orang mahu membeli buah dengan penjual tersebut.

Lalu si penjual tersebut kehairanan kerana buah yang dijual oleh Khairul dan Hanafi sama saiznya dengan buah yang dijual olehnya. Pada malamnya, penjual tersebut berjaga di kebunnya dan pada masa tersebut, penjual tersebut melihat Hanafi dan Khairul mencuri buah labu tersebut dan menangkap Hanafi dan Khairul lalu memenjara mereka berdua.

Kesahihan Hadis Dan Ayat Al-Quran Yang Terdapat Dalam Cerita Aqil Story

Pada episode 1 dalam animasi Aqil Story, Aqil ada membacakan ayat Al-Quran yang berbunyi:

إِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ غَيْبِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۗ وَاللَّهُ بَصِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ

Yang bermaksud: Sungguh, Allah mengetahui apa yang ghaib di langit dan di bumi. Dan Allah Maha Melihat apa yang kamu kerjakan. (Surah al-Hujuraat, ayat 18) Ayat Al-Quran ini adalah sah dan diambil daripada al-Quran tanpa ada perubahan sedikitpun.

Ustal Amal membacakan ayat al quran pada hujung episod dua ini yang berbunyi, Allah berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ

Ayat ini bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah, dan hendaklah kamu berada bersama-sama orang-orang yang benar. (Surah At-Tawbah, ayat 119).
Ayat dan makna didalam aqil story ini adalah sahih dan diambil daripada kitab suci Al-Quran.

Pada episode ketiga, ustaz Amal juga berpesan jika berjanji tetapi tidak yakin, sebutlah insyaAllah. Firman Allah ta'ala:

وَلَا تَقُولَنَّ لِشَيْءٍ إِنِّي فَاعِلٌ ذَلِكَ غَدًا ۚ إِلَّا أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ ۗ وَادْكُرْ رَبَّكَ إِذَا نَسِيتَ وَقُلْ عَسَىٰ أَنْ يَهْدِيَنِّي رَبِّي
لَأَقْرَبَ مِنْ هَذَا رَشَدًا ۚ ۲٤

Ayat ini bermaksud: Dan janganlah engkau berkata mengenai sesuatu (yang hendak dikerjakan): "Bahawa aku akan lakukan yang demikian itu, kemudian nanti". Melainkan (hendaklah disertakan dengan berkata): "Insya Allah". Dan ingatlah serta sebutlah akan Tuhanmu jika engkau lupa; dan katakanlah: "Mudah-mudahan Tuhanku memimpinku ke jalan petunjuk yang lebih dekat dan lebih terang dari ini".

Ayat al-Quran yang dibacakan oleh ustaz amal ini sangat bertepatan dengan apa yang berlaku diepisod ini dan apa yang dibacakan oleh ustaz Amal itu juga adalah sahih dan diambil daripada al-Quran tanpa penambahan atau pengurangan daripada ayat tersebut.

Pada episode keempat, semasa Aqil menceritakan tentang seorang petani yang pemurah, petani itu membacakan ayat Al-Quran yang berbunyi:

وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا ﴿٢﴾ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ ۚ وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ ۚ إِنَّ اللَّهَ
بَالِغُ أَمْرِهِ ۚ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا

Yang bermaksud: "Dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya), Serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. Dan (Ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendakiNya. Allah telahpun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu. (Surah Al-Talaq: 2-3).

Ayat Al-Quran yang dibacakan ini adalah sahih dan juga dinamakan sebagai ayat seribu dinar yang sering diamalkan oleh umat Islam sehingga kini.

Di dalam cerita Aqil story episode kelima, dinukilkan ayat Al-Quran daripada surah Al-Ankabut ayat 2-3. Allah SWT berfirman dalam surah tersebut yang berbunyi:

أَحْسِبُ النَّاسُ أَنْ يُؤْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ (٢) وَلَقَدْ فَتَنَّا الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ فَلَيَعْلَمَنَّ اللَّهُ الَّذِينَ صَدَقُوا
وَلَيَعْلَمَنَّ الْكَاذِبِينَ (3)

Maksudnya: Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: "Kami beriman", sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang sebenar-benarnya beriman, dan nyata pula apa yang diketahuinya tentang orang-orang yang berdusta.

Ayat tersebut adalah sahih dan maksud yang diterangkan adalah benar, mengikut tafsir Ibnu Kathir, istifham yang terdapat dalam ayat kedua bermaksud makna sanggahan. Makna yang dimaksud ialah bahwa Allah Swt. pasti akan menguji hamba-hambanya yang beriman sesuai dengan kadar iman masing-masing. Dan ayat ketiga pula, yaitu orang-orang yang benar dalam pengakuan imannya, juga orang-orang yang dusta dalam pengakuan imannya. Allah Swt. mengetahui apa yang telah terjadi di masa lalu, mengetahui apa yang akan terjadi, mengetahui pula apa yang tidak akan terjadi dan apakah akibatnya seandainya hal itu terjadi. Hal ini merupakan sesuatu yang telah disepakati di kalangan semua imam ahli sunnah wal jamaah.

Dalam video ini juga disebutkan tentang hadis nabi yang berbunyi:

"أَشَدُّ النَّاسِ بَلَاءً الْأَنْبِيَاءُ ثُمَّ الصَّالِحُونَ، ثُمَّ الْأَمْثَلُ فَلِأَمْثَلٍ، يُبْتَلَى الرَّجُلُ عَلَى حَسَبِ دِينِهِ، فَإِنْ كَانَ فِي دِينِهِ
صَلَابَةٌ زِيدَ فِي الْبَلَاءِ"

Maksud: Manusia yang paling berat cobaannya ialah para nabi, kemudian orang-orang saleh, lalu orang yang terkemuka. Seseorang akan diuji sesuai dengan kadar agamanya; jika agamanya kuat, maka ujiannya diperberat pula.

Hadis ini merupakan hadis yang sahih, hadis ini diriwayatkan oleh Fatimah binti al-Yaman dan diriwayatkan didalam kitab sahih jamiyah muka surat 996.

Didalam cerita Aqil story episod ketujuh, dinukilkan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari yang berbunyi:

عُذِّبَتْ امْرَأَةٌ فِي هِرَّةٍ سَجَنَتْهَا حَتَّى مَاتَتْ فَدَخَلَتْ : عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ
فِيهَا النَّارُ، لَا هِيَ أَطْعَمَتْهَا وَلَا سَفَّتْهَا إِذْ حَبَسَتْهَا وَلَا هِيَ تَرَكَتْهَا تَأْكُلُ مِنْ حَشَاشِ الْأَرْضِ. متفق عليه

Maksudnya: Abdullah bin Umar radhiyallahu ‘anhuma meriwayatkan bahwa Rasulullah ﷺ bersabda, “Ada seorang wanita yang diazab karena seekor kucing yang dikurungnya hingga mati, wanita itu masuk neraka karenanya. Kucing itu tidak diberinya makan, tidak diberinya minum, tidak pula dilepaskannya hingga dia bisa memakan hewan yang ada di tanah.”

Rasulullah SAW mengajarkan umatnya untuk berbuat baik, bahkan terhadap haiwan. Hal ini kerana, sebagai makhluk yang bernyawa, binatang pun memiliki perasaan dan memerlukan kasih sayang. Oleh itu kita sebagai manusia kita tidak dibenarkan menyiksa binatang. Pelaku penyiksaan diancam dengan hukuman yang keras kelak di Hari Akhir. Oleh itu, hadis yang dinukilkan dalam cerita ini adalah sahih kerana hadis tersebut adalah daripada imam bukhari dan hadis yang ke 3482.

Didalam cerita Aqil story episod kelapan, dinukilkan hadis tentang membaca bismillah iaitu:

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ، حَدَّثَنَا مَالِكٌ، عَنْ زَيْدِ بْنِ أَسْلَمَ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «مَنْ قَرَأَ بِاسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ تِسْعَ عَشْرَ مَرَّةً فِي كُلِّ يَوْمٍ، أَعْتَقَهُ اللَّهُ مِنَ النَّارِ تِسْعَةَ عَشْرَةَ مَرَّةً، وَكَتَبَ لَهُ بِكُلِّ حَرْفٍ حَسَنَةً، وَحَطَّ عَنْهُ تِسْعَ عَشْرَ سَيِّئَةً

Maksudnya: Hadis ini mengatakan bahwa siapa pun yang ingin diselamatkan oleh Allah dari sembilan belas malaikat neraka, maka harus membaca Bismillah sebanyak sembilan belas kali setiap hari.

Diakhir episod ke sembilan, penerbit meletakkan dalil al-Quran yang berkait dengan kisah tersebut. Firman Allah swt dari Surah Al-Jinn ayat 22:

قُلْ إِنِّي لَنْ يُجِيرَنِي مِنَ اللَّهِ أَحَدٌ وَلَنْ أَجِدَ مِنْ دُونِهِ مَلًا تُحَدًّا

Katakanlah lagi; "Sesungguhnya aku, tidak sekali-kali akan dapat diberi perlindungan oleh sesiapa pun dari (azab) Allah (jika aku menderhaka kepadaNya), dan aku tidak sekali-kali akan mendapat tempat perlindungan selain daripadaNya. Dalil ini adalah sahih daripada Al-Quran dan tiada perubahan makna atau perkataan didalamnya.

Pada akhir episod ke sepuluh ini, pihak penerbit mengemukakan dalil al-Quran yang berkaitan dengan kisah diatas. Firman Allah swt dalam Surah Luqman ayat 18:

وَلَا تُصَعِّرْ َّ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ

"Dan janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong; sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi membanggakan diri. Ayat tersebut adalah sahih dan maksud yang diterangkan adalah benar dan tiada perubahan seperti yang dikemukakan dalam episode ini.

Pada akhir episod ke dua belas, pihak penerbit mengemukakan dalil al-Quran yang berkaitan dengan kisah diatas. Firman Allah swt dalam Surah Hud ayat 113:

وَلَا تَرْكَنُوا إِلَى الَّذِينَ ظَلَمُوا فَتَمَسَّكُمُ النَّارُ وَمَا لَكُم مِّن دُونِ اللَّهِ مِن أَوْلِيَاءَ ثُمَّ لَا تُنصَرُونَ

Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang berlaku zalim maka (kalau kamu berlaku demikian), api neraka akan membakar kamu, sedang kamu tidak ada sebarang penolong pun yang lain dari Allah. Kemudian (dengan sebab kecenderungan kamu itu) kamu tidak akan mendapat pertolongan.

Diakhir episod ketiga belas ini, dalam segmen pesanan Ustaz Amal, Ustaz Amal membacakan ayat

إِنَّ اللَّهَ لَا يَظْلِمُ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ وَإِن تَكُ حَسَنَةً يُضْعِفْهَا وَيُؤْتِ مِن لَّدُنْهُ أَجْرًا عَظِيمًا

Sesungguhnya Allah tidak sekali-kali menganiaya (seseorang) sekalipun seberat zarah (debu). Dan kalaulah (amal yang seberat zarah) itu amal kebajikan, nescaya akan menggandakannya dan akan memberi, dari sisiNya, pahala yang amat besar. [Surah An-Nisā': 40].

Ayat ini tepat seperti didalam al-Quran dan berdasarkan ayat tersebut, ianya sangat berkait rapat dengan situasi yang dijelaskan dalam episod tersebut.

Kesimpulan

Kesimpulannya, siri animasi Aqil Story ini disertakan dengan dalil-dalil yang sahih serta bertepatan dengan situasi. Siri animasi sebegini sangat bermanfaat untuk kanak-kanak dan remaja kerana disamping mereka terhibur, mereka juga dapat pengajaran disebalik kisah-kisah tersebut dan dapat mengetahui dalil-dalil yang sahih berkaitan situasi dan kisah yang berkenaan. Siri animasi sebegini sepatutnya diperbanyakkan lagi di media sosial kerana memberikan impak yang positif dalam melahirkan kanak-kanak dan remaja yang mempunyai sifat mahmudah dan dapat mengamalkan ajaran al-Quran dan Sunnah dengan tepat dan betul.

Rujukan

Adisel, A. &. (2020). Penggunaan Teknologi Informasi dan Komunikasi dalam Sistem Manajemen Pembelajaran pada Masa Pandemi Covid 19. . *Journal Of Administration and Educational Management (ALIGNMENT)*, 3(1), 1-10.

al-Bukhari, I. M. (1851). *Sahih Al-Bukhari*.

al-Habsyi, a.-A. a.-H. (1969H - 1144H). *Kitab Risalah Jamiah*.

Al-Quran Al-Karim. (n.d.).

Baharom, H. N. (2015). *Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat*. Kuala: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Cayeni, W. &. (2019). Penggunaan Teknologi Dalam Pendidikan: Tantangan Guru Pada Era Revolusi Industri 4.0. *In Prosiding Seminar Nasional Program Pascasarjana Universitas Pgri Palembang*.
- Cayeni, W. S. (2021). Pengaruh teknologi dalam dunia pendidikan. *Al-Mutharahah: Jurnal Penelitian Dan Kajian Sosial Keagamaan*, 18(2), 91-100.
- Dini, J. P. (2022). Pandangan Guru dan Orang Tua tentang Pendidikan Inklusif di Taman Kanak-Kanak. . *Jurnal Obsesi: Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 6(5), 3944-3952.
- Hat, H. C. (2013). Persepsi pelajar terhadap penggunaan animasi dalam pembelajaran bahasa Arab. *Sains Humanika*, 63(1).
- Hussein, H. (2 August 2012). AQIL Story: Animasi Terbaru TV AlHijrah. *Munsyeed{Dot}Com*.
- Kathir, I. B. (1431H). *Tafsir Ibnu Kathir*. Darul Kitab Ilmiah.
- Mahad, H. (2020, Desember 21). Retrieved from Penggunaan Elemen Animasi Untuk Meningkatkan Kefahaman Pelajar Dalam Mata Pelajaran Geografi: <https://ojs.upsi.edu.my/index.php/EJOSS/article/download/6685/4215/33878>
- Nasir M. S., &. T. (2021). Pandangan al-Nadwi tentang kepentingan al-sirah al-nabawiyah dalam pendidikan kanak-kanak. . *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs (JQSS)*.
- Nor, N. I. (2021).). Pendidikan Islam bagi Kanak-Kanak Berkeperluan Khas: Guru sebagai Murabbi: Islamic Education for Children with Special Needs: Teacher as Murabbi. . *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 5(1),, 64-76.
- Pendekatan Fuzzy Delphi*. (n.d.). Retrieved from Animasi Interaktif sebagai Medium Pembelajaran Kanak-kanak Homeschooling: https://eprints.um.edu.my/13150/1/ANIMASI_INTERAKTIF_SEBAGAI_MEDIUM_PEMBELAJARAN.pdf
- Quthb, S. (2000). *Tafsir Fi Zhilalil Qur'an, terj. As'ad Yasin, Abdul Aziz Salim*. Jakarta: Gema Insani: Terbitan asal:Beirut, Darusy-Syuruq, 2006, 7:224-225.
- Yusof, Z. M. (2009). *Kemahiran Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.